



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 3 TAHUN 1995

PINDAAN TERHADAP SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN
BIL. 4 TAHUN 1990

TUJUAN

1. Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan pindaan yang telah diputuskan ke atas [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 1990](#) bertajuk DASAR KENAIKAN PANGKAT BAGI PEGAWAI YANG SEDANG DISIASAT DAN TELAH MENERIMA HUKUMAN TATATERTIB.

PINDAAN

2. Seajar dengan [Peraturan-Peraturan Pegawai Awam \(Kelakuan dan Tatatertib\) 1993](#) pada 15-12-93, beberapa pernyataan yang terdapat dalam [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 1990](#) adalah dipinda seperti berikut.

- (i) Rangkaikata "Perintah-Perintah Am Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) Bab 'D' 1980" di perenggan 1 digantikan dengan "Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993"; dan
- (ii) Hukuman "Celaan" dan "Henti Kenaikan Gaji" serta tempoh larangannya seperti di perenggan 4(c) masing-masing dibatalkan.
- (iii) Hukuman "Lucut Hak Gaji" dan "Tanggung Kenaikan Gaji" di perenggan 4(c) masing-masing dipinda kepada **"Lucut Hak Emolumen"** dan **"Tanggung Pergerakan Gaji"**.

TARIKH KUATKUASA

- 3. Pindaan ini berkuatkuasa pada tarikh Surat Pekeliling ini dikeluarkan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(DATO' DR. MUHAMMAD RAIS BIN ABDUL KARIM)

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam II,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia

Tarikh: 8hb September 1995

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun

Semua Ketua Pengurusan Kuasa Tempatan